



Ruj Tuan : ARDENTEDU2025/JPN/01/JOHOR

Ruj. Kami : JPNJ.PBM.600-3/5/5Jld.13(28)

Tarikh : 7 Mac 2025

ENCIK MOHD SUHAIMI BIN RAMLY

Pengarah Urusan

Ardent Educational Consultants Sdn Bhd

100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang

53300 KUALA LUMPUR

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DAN GURU BAGI PROGRAM PERTANDINGAN *KANGGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER* TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan pelaksanaan program di atas daripada pihak puan. Pihak JPNJ mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri Johor.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan bagi melaksanakan Program Pertandingan *Kanggaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer* Tahun 2025** yang melibatkan murid sekolah di negeri Johor. Walau bagaimanapun, pihak JPNJ ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang berikut :

- 3.1 **SPI Bil 8/2009** : Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/ Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan
- 3.2 **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil 2/2010** : Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar
- 3.3 **SPI Bil 5/2018** : Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
- 3.4 Surat Siaran Bil 3/2023 : Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas

- 3.5 SPI Bil 9/2023 : Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan;
- 3.6 SPI Bil 2/2024 : Pengkategorian Semula Komponen Kokurikulum Bagi Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan Serta Sukan dan Permainan

4. Sehubungan dengan itu, perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti yang berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendidikan Daerah setelah mendapat maklum balas dari JPNJ dalam tempoh 30 hari sebelum bermulanya tarikh pelaksanaan program;
- 4.3 semua murid yang terlibat hendaklah **mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat** bagi menyertai program ini;
- 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa/ penjaga;
- 4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)/ program/ aktiviti sekolah;
- 4.7 pihak penganjur hendaklah memberi maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dalam program ini;
- 4.9 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;

- 4.10 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum, **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
 - 4.11 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebelum diedarkan;
 - 4.12 penggunaan logo JPN Johor tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Johor berserta dokumen lengkap kepada **Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor** selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;
 - 4.13 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam sepanjang pelaksanaan program;
 - 4.14 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan program (**Lampiran A**) yang dijalankan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor tidak lebih 30 hari selepas tamat program;
 - 4.15 Pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di lampiran B)** kepada pihak JPNJ dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
 - 4.16 JPNJ berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
5. Maklum balas penganjuran program ini **hanya** untuk **Ardent Educational Consultants Sdn Bhd** yang akan menganjurkan **Program Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2025** pada **31 Januari 2025 sehingga 31 Oktober 2025 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor.

Ruj. Kami : JPNJ.PBM.600-3/5/5Jld.13 (28)


6. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Encik Musa bin Atan**, Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian 019-7906040 atau menerusi e-mel musa.atan@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah

Sektor Pembangunan Murid

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Johor